

Minyak hitam dibuang ke Sungai Klang

Oleh SHAHREN YUSRI
shahren@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Sikap tidak bertanggungjawab pekerja sebuah bengkel di Taman Pangkalan Batu, Klang yang membuang sisa minyak hitam ke longkang dipercayai menambahkan masalah pencemaran Sungai Klang.

Manakan tidak, pekerja bengkel terbabit membuang sisa minyak hitam dalam kuantiti yang banyak ke longkang tersebut setiap hari sebelum dibiarkan mengalir ke dalam sungai.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Taib memberitahu, perbuatan itu dikesan berlaku sejak setahun lalu.

Katanya, mereka telah mengorek longkang sepanjang lebih dua kilometer yang menghala ke Sungai Klang bagi memudahkan pembuangan sisa minyak tersebut.

Taib menambah, longkang tersebut juga mengalirkan sisa ke satu saluran lain yang menghala ke bandar Klang.

"Keadaan ini menyebabkan air longkang di bandar dan sungai Klang dicemari tompokan minyak hitam," katanya.

Menurutnya lagi, perbuatan tersebut secara tidak langsung lama-kelamaan menyebabkan longkang tersebut tersumbat.

"Bila hujan lebat, minyak tersebut akan melimpah ke jalan raya berdekatan


dan masuk ke jalan masuk ke rumah penduduk berdekatan," katanya.

Kata Taib, keadaan ini amat membimbangkan penduduk berdekatan kerana mereka terpaksa menggunakan jalan yang berlumuran dengan minyak.

"Apa yang kami risaukan, kalau kami berjalan kaki di situ, sisa minyak yang naik ke jalan raya pasti akan terkena kaki yang boleh menyebabkan penyakit kulit," ujarnya.

Menurutnya, lebih membimbangkan pejalan kaki yang selalu menggunakan jalan berdekatan adalah pelajar sekolah.

Selain itu, jelasnya, pembuangan sisa minyak tersebut juga menyebabkan tumbuhan berdekatan mati dan beracun.



KOLAM yang menakung air parit kelihatan hitam akibat pencemaran di Taman Pangkalan Batu, Klang.